

CNS6519

R EB 09-10 00156 BB114

aab

UCAPAN MAHATHIR JADI INTI PERBINCANGAN

MKK - Ucapan

Oleh Yong Soo Heong

I

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Soal pendirian bersama terhadap agensi-agensi antarabangsa dan bantuan membayar hutang kepada negara-negara miskin yang berhutang menguasai sebahagian besar daripada perbincangan pada hari pertama Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel (MMKK) di sini hari ini.

Gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar negara-negara Komanwel mengambil pendirian bersama terhadap syarat-syarat baru yang dikenakan oleh agensi-agensi antarabangsa berhubung program bantuan menarik banyak perbincangan.

Pandangan yang diberikan oleh beliau dalam ucapan pembukaannya pada mesyuarat dua hari itu menjadi penggerak dan inti perbincangan hari ini, kata pegawai-pegawai.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mempengerusikan mesyuarat itu, berkata perkara tersebut akan dibincangkan selanjutnya pada sesi esok.

Satu lagi perkara yang menjadi sebahagian daripada perbincangan hari ini ialah soal bantuan membayar hutang dan penjadualan semula pinjaman. -- Lagi

▼09/10/21-11MST

CNS6520

R EB 09-10 00153 BB115

aab

MKK - Ucapan 2 Kuala Lumpur

Dikenali sebagai Syarat-Syarat Trinidad dan Tobago, seperti mana yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Britain John Major, ketika itu Menteri Kewangan, pada MKK tahun lepas yang diadakan di sana, cadangan itu mahu dilupuskan dua-pertiga daripada pinjaman yang dihutang oleh negara-negara miskin berhutang.

Baki hutang satu-pertiga lagi akan dijadualkan semula untuk dibayar dalam tempoh 25 tahun berbanding 14 tahun sekarang.

Sekiranya syarat-syarat tersebut diluluskan oleh Kelab Paris, ia bermakna satu pembatalan kira-kira AS\$18,000 juta daripada hutang rasmi sebanyak AS\$27,500 juta oleh 19 buah negara.

Negara-negara tersebut adalah yang mempunyai pendapatan purata per kapita kurang daripada AS\$600 dan membelanjakan lebih daripada 25 peratus daripada pendapatan eksport mereka untuk membayar balik hutang.

Soal bantuan membayar hutang dijangka dibincang pada mesyuarat Bank Dunia-Tabung Kewangan Antarabangsa di Bangkok minggu depan, yang akan disertai sama oleh Menteri Kewangan Komanwel.

Seorang perwakilan dari Malawi berkata masih terdapat banyak perkara yang akan dibincangkan di bawah bantuan membayar hutang itu.

Selain daripada meneruskan perbincangan mengenai betapa perlunya mempunyai satu suara dari Komanwel dan melindungi negara-negara miskin di forum antarabangsa dan berikhtiar mencari jalan terbaik untuk menguruskan soal bantuan hutang, para perwakilan dijangka membincangkan soal penswastan serta bagaimana ianya dapat membantu meningkatkan ekonomi serta mempercepatkan kemajuan ekonomi berikutan perubahan yang berlaku di dunia.

Kejayaan Malaysia melaksanakan penswastan dan sebuah laporan pakar bertajuk +Perubahan Demi Kebaikan: Perubahan Dunia dan Pembangunan Ekonomi+ juga dijangka menjadi topik perbincangan pada mesyuarat esok. -- Bernama

▼09/10/21-16MST